



# SIARAN MEDIA

## ***APEC YOUNG ENTREPRENEURS KICK - OFF* KETENGAHKAN POTENSI USAHAWAN BELIA**

**Kuala Lumpur, 18 Februari 2020** – Bagi mengetengahkan potensi usahawan belia dan meningkatkan jaringan di antara usahawan belia daripada negara-negara APEC, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya SME Corp. Malaysia menganjurkan *APEC Young Entrepreneurs Kick-Off Workshop*.

Program ini yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan berlangsung selama dua hari mulai 18 hingga 19 Februari 2020, bertempat di Hotel InterContinental Kuala Lumpur. Selain Malaysia, program ini turut disertai oleh peserta dari Indonesia, Jepun, Thailand, Mexico, Filipina, Peru, Rusia dan Papua New Guinea. Di antara aktiviti yang berlangsung di sepanjang program ini adalah sesi perkongsian bersama usahawan berjaya dan para profesional dalam bidang pemasaran digital, inovasi dan pembiayaan PKS. Sesi *pitching* turut dianjurkan bagi memberi peluang kepada usawahan belia untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan mereka kepada pelabur yang berpotensi.

Program hari ini merupakan program APEC yang pertama dianjurkan oleh MEDAC bagi tahun 2020. Sejalan dengan Malaysia sebagai tuan rumah kepada Persidangan APEC 2020 yang akan dianjurkan lebih daripada 30 mesyuarat, persidangan dan acara berkaitan bermula dari bulan Disember 2019 sehingga November 2020, MEDAC sebagai Kementerian bertanggungjawab bagi pembangunan PKS, juga turut diberi kepercayaan untuk dianjurkan beberapa program khusus berkaitan PKS. Ini termasuk Minggu PKS APEC 2020 yang akan berlangsung dari 21-24 September 2020. Para Usahawan, ahli perniagaan dan rakyat tempatan akan menerima manfaat melalui perkongsian pengalaman dan teknologi serta peluang perniagaan dengan kehadiran lebih 16,000 delegasi daripada 21 negara APEC yang terlibat sepanjang tahun ini.

Turut hadir semasa Majlis Perasmian *APEC Young Entrepreneurs Kick-Off* ini ialah Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Encik Nik Muhd Kamil Nik Ismail di talian 03-2775 6280 atau emel – [kamil@smecorp.gov.my](mailto:kamil@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**SME Corp. Malaysia**

-  
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.